

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 14.3.2016

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian maklum bahawa hampir pada setiap sekolah-sekolah berasrama penuh di kawasan Kalabakan sedang menghadapi masalah kelengkapan asrama seperti bantal, tilam dan sebagainya. Jika adapun sudah sangat usang; dan
- (b) jika maklum, apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kelengkapan asrama sekolah termasuk asrama harian sekolah di kawasan Kalabakan adalah mencukupi. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) diminta untuk memastikan kelengkapan asrama sekolah disediakan dengan sewajarnya. Sebagai langkah penjimatan aset

kerajaan dan perbelanjaan yang berhemah, pihak JPN juga diminta untuk membuat pengagihan semula kelengkapan asrama di sekolah yang mempunyai aset berlebihan ke sekolah yang tidak mencukupi kelengkapannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 ini sebanyak RM34,000.00 telah diturunkan bagi perbekalan perabot di tiga (3) buah sekolah di kawasan Kalabakan iaitu SMK Kuhara, SMK Merotai, dan SMK Umas-Umas.

RJM14